

'Terima kasih PAS fahami penyiasaran subsidi diesel'

Anwar akui masih ada beberapa kelemahan, beri jaminan perbaiki

Oleh Muhammad Zulsyamini
Sufian Suri
bhnews@bh.com.my

Bagan Serai: Datuk Seri Anwar Ibrahim merakamkan terima kasih kepada PAS yang disifatkannya sebagai memahami keperluan untuk penyiasaran subsidi diesel dibuat menerusi kenyataan yang dikeluarkan baru-baru ini.

Perdana Menteri berkata, semua Perdana Menteri daripada berbilang parti politik yang mendahului beliau sebelum ini ber-setuju bahawa mesti kena dibuat penyiasaran subsidi bagi mengelakkan ketirisan yang banyak kepada kewangan negara.

Mengenai penyiasaran subsidi yang sedang dilakukan kerajaan di bawah pimpinannya ketika ini, Anwar mengakui ia tidak sempurna kerana masih ada beberapa kelemahan, namun memberi jaminan akan diperbaiki da-

ri semasa ke semasa.

“Saya (rasa) aneh kalau digunakan (isu subsidi) sebagai isu politik kerana semua parti politik setuju dan saya ucap terima kasih kerana Setiausaha Agung PAS (Datuk Seri Takiyuddin Hassan) sudah keluaran kenyataan yang maknanya dia faham.

“Kerana dia pun pernah umumkan di Parlimen cadangan kerajaan pada ketika itu untuk naikkan harga diesel, tetapi kita dalam Kerajaan Madani ini naikkan, tapi tidak membabitkan rakyat.

“Ketirisan banyak apabila kita bagi sekarang subsidi kepada yang maha kaya dan 3.8 juta orang asing yang tak bayar cukai. Tetapi bila dilaksanakan (penyiasaran subsidi) saya percaya tidak akan sempurna sepenuhnya, ada beberapa kelemahan, dan kita cuba (perbaiki),” katanya.

Anwar berkata demikian ketika berucap merasmikan Majlis Peluncuran Pelan Induk KIGIP di Dewan Dato’ Zainal Abidin, di sini semalam.

Yang turut hadir Timbalan Perdana Menteri II, Datuk Seri Fadhilah Yusof; Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI), Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz; Menteri Besar Perak, Datuk Seri Saarani

Mohamad dan Ketua Menteri Pulau Pinang, Chow Kon Yeow.

Sebelum ini, Takiyuddin menerusi kenyataan media berkata, PAS mengalu-alukan matlamat baik yang digariskan kerajaan berhubung langkah penyiasaran subsidi diesel itu, namun pada masa sama berasaperlu menyuarakan kebimbangan berkait pelaksanaannya, terutama sekali kemungkinan kesan negatifnya ke atas kehidupan rakyat.

Arah pantau pihak naik harga

Kata Anwar lagi, beliau sudah memberi arahan supaya memantau mana-mana pihak yang menjadikan isu penyiasaran subsidi diesel ketika ini untuk mengambil kesempatan dengan menaikkan harga barang dan perkhidmatan, termasuk mengenakan hukuman berat seperti lesen dibatalkan.

“(Umpamanya) orang yang bawa bas sekolah yang katakan hendak naikkan harga. Saya kata pantau kalau betul dia dapat (subsidi), sebab kalau bas sekolah kita bagi subsidi. (Namun) sebab apa dia naik juga harga?”

“Saya arahkan supaya teliti dia siapa, tengok lesen dia dan kalau betul dia salah guna, kita akan rampas lesen dia.

“Tapi kalau dia perlu dan me-

mang untuk bas sekolah, kita bagi, boleh ada masa untuk merayu dan berikan.

“Tetapi kalau sengaja diambil peluang, kalau syarikat-syarikat besar, syarikat pelancongan (umpamanya) yang untung yang besar munasabahkah dapat subsidi ini? subsidi ini kepada orang susah,” katanya.

Kata Anwar lagi, kerajaan sedar polemik yang tercetus susulan dari penyiasaran subsidi bahan bakar terbabit hingga kalangan rakyat menuduh kerajaan sebagai zalim namun baginya, jika tiada keberanian untuk melaksanakannya sekarang, tahun demi tahun kerajaan hanya melaksanakan dasar yang merugikan negara.

“Seperti RM4.5 bilion yang dapat kita jimatkan menerusi penyiasaran subsidi tarif elektrik sebelum ini yang turut boleh dinikmati golongan ‘mahakaya’ selain 3.8 juta warga asing,” katanya.

Anwar dalam pada itu berkata, penarikan sesuatu subsidi tidak semestinya mengakibatkan kenaikan harga dengan memberikan contoh harga ayam segar yang ketika ini lebih murah berbanding 2021, iaitu selepas pengapungan harga ayam dilaksanakan.